buletin Selayangku Sayang

DITERBITKAN OLEH
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG
NASKHAH PERCUMA

EDISI
MAC 2025
03/2025



MAJLIS IFTAR SEMPENA IHYA' RAMADAN PERINGKAT MPS

MENARIK DI DALAM...

03
MAJLIS IFTAR SEMPENA IHYA' RAMADAN PERINGKAT MPS

04
Program Ruih Rendah Bubur Lambuk

06
Ceramah Ambang Syawal " Syawal, Sempurnakah Ramadanku"

DARI MEJA

YANG DIPERTUA

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, dengan izin-Nya kita melangkah ke pertengahan tahun 2025 dengan penuh iltizam dan kesungguhan dalam melaksanakan amanah sebagai warga Majlis yang berdedikasi. Suku tahun ini menyaksikan pelbagai program dan inisiatif digerakkan merangkumi aspek kebersihan persekitaran, pendigitalan perkhidmatan serta penglibatan aktif masyarakat ke arah menjayakan visi Smart Selayang 2030.

Kita juga berpeluang menyambut bulan Ramadan dengan penuh penghayatan melalui program-program yang menyemai nilai murni dan mempererat ukhuwah dalam kalangan warga Majlis dan masyarakat.

Saya merakamkan penghargaan kepada semua jabatan atas komitmen yang tidak pernah luntur. Teruskan usaha kita dengan semangat berpasukan, berintegriti dan sentiasa berorientasikan rakyat.



(TUAN SHAHMAN BIN JALALUDIN)
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Selayang

BIL 3/2025 Mac
mpselayang

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT
YBrs. Tuan Shahman bin Jalaludin
ydp@mps.gov.my

YBRs. Tuan Adi Faizal bin Ahmad Tarmizi
tydp@mps.gov.my

KETUA PENGARANG
En. Mohamad Zin bin Masoad
mzin.masoad@mps.gov.my

PENOLONG KETUA PENGARANG
En. Ahmad Fauzi bin Ishak
ahmadfauzi.ishak@mps.gov.my

PENGARANG
Pn. Norhatikah Nabila binti Masri
norhatikahnabila.masri@mps.gov.my
Pn. Norhasliza binti Hassan
norhasliza.hassan@mps.gov.my

PEREKA LETAK
En. Mohd Afzairis bin Naseri
mafzairis.naseri@mps.gov.my
Cik Nurshahira Najihah binti Abd Rashid
nurshahira_najihah @mps.gov.my

JURUFOTO
Pn. Anissapinah binti Mohd Dan
anissapinah.mohddan@mps.gov.my
En. Mohamad Khairun bin Roslan
mkhairun.roslan@mps.gov.my

DITERBITKAN OLEH
Jabatan Korporat
Majlis Perbandaran Selayang

TERBITAN
Setiap Bulan

e-ISSN
3030-5896

Penerbit tidak akan bertanggungjawab atas sebarang pelanggaran hak cipta dan masalah dari penerbitan ini. Sebarang maklum balas atau cadangan boleh dihantar kepada:

Jabatan Korporat
Majlis Perbandaran Selayang
Menara MPS, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan

No. Tel: 03 6126 5800
No. Faks: 03 6138 2728
E-mel: aduanmps@mps.gov.my
Talian Bebas Tol: 1800-222-677

Ramadan Dihayati, Syurga Menanti

CERAMAH AMBANG SYAWAL DI PUSAT AKTIVITI WARGA EMAS (PAWE) SUNGAI TUA

MAJLIS Majlis Perbandaran Selayang (MPS) melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JPM) telah menganjurkan Ceramah Agama Ambang Syawal di Bangunan PAWE Sungai Tua pada 26 Mac 2025 bertujuan untuk memperkukuhkan ukhuwah sesama ahli selain menghebahkan pendaftaran keahlian PAWE kepada warga emas setempat.

Ceramah agama bertajuk "Ramadan Dihayati, Syurga Menanti" telah disampaikan oleh penceramah bebas, Ustaz Zulhazwan bin Ismail. Seramai 108 orang ahli PAWE Sungai Tua dan warga emas dari kawasan sekitar telah hadir menyertai program ini.

Pihak jabatan juga turut menyediakan cenderahati iaitu ketupat mini yang diberikan kepada 100 orang peserta terawal mendaftar.

Hadir sama dalam majlis ini Tuan Muhammad Husaini bin Mohd Yunos, Ahli Majlis Zon 6 dan TPr. Affendei bin Samingan, Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat yang mewakili Tuan Yang Dipertua MPS.

Secara keseluruhan, program ini telah berjalan dengan lancar dan mendapat sambutan yang amat baik daripada semua peserta.













Lebih 300 warga kerja MPS hadir memeriahkan

MAJLIS IFTAR SEMPENA IHYA' RAMADAN PERINGKAT MPS

Majlis Perbandaran Selayang (MPS) telah menganjurkan Majlis Iftar sempena Ihya Ramadan MPS pada 11 Mac 2025 bertempat di Lobi dan Pekarangan Menara MPS. Program dimulakan dengan aktiviti Memasak dan Agihan Bubur Lambuk kepada orang awam serta para penghantar makanan di Rider's Pit Stop MPS.

Majlis turut menyantuni seramai 54 orang anak yatim, terdiri daripada anak-anak kakitangan MPS dan dari Rawang, dengan penyampaian sumbangan oleh Tuan Shahman bin Jalaludin, Yang Dipertua MPS. Seramai 300 orang kakitangan serta jemputan hadir ke majlis, yang turut diisi dengan tazkirah bertajuk "Hidupkan Ramadan Dengan Al-Quran" disampaikan oleh Ustazah Asma' binti Harun.

Turut hadir, Tuan A. Rahim bin Ahmad Kasdi (Setiausaha Politik MB Selangor), YBhg. Dato' Hasnal Rezua Merican (Penyelaras DUN Kuang), barisan Ahli Majlis, Pengarah Jabatan, wakil Parlimen dan DUN, serta warga kerja MPS. Majlis berjalan penuh harmoni dan berjaya memupuk semangat kebersamaan dalam kalangan warga MPS dan komuniti setempat.

Sila imbas kod QR di atas untuk melihat seleksi gambar Majlis Ihya Ramadan MPS

Edaran 3000 Bekas Bubur Lambuk

WARGA MPS RAIKAN RAMADAN BERSAMA





MAJLIS Perbandaran Selayang (MPS) melalui Kelab Sukan dan Kebajikan (KSDK) telah menganjurkan Program Memasak Bubur Lambuk pada 11 Mac 2025 bertempat di Pekarangan Menara MPS.

Program yang bertemakan "Riuh Rendah Bubur Lambuk" ini dilaksanakan secara gotong-royong bersama kakitangan MPS bagi mengimarahkan bulan Ramadan dengan aktiviti bermanfaat yang memupuk semangat muhibah dan berkongsi rezeki antara warga MPS.

Tuan Shahman bin Jalaludin, Yang Dipertua MPS turut berkesempatan meluangkan masa meninjau persiapan bubur lambuk. Hadir sama, Tuan Haji Az'har bin Samsuri, Penolong Setiausaha MPS, Ahli-Ahli Majlis dan Pengarah-Pengarah Jabatan.

Sebanyak 3000 bekas bubur lambuk akan diedarkan kepada kakitangan MPS, Agensi- agensi Kerajaan dan swasta serta orang awam yang datang berurusan di MPS.

Semoga program seumpama ini dapat diteruskan bagi mengeratkan lagi kerjasama MPS dan warga perbandaran Selayang di masa akan datang.









Aduan & Cadangan Penduduk Didengar Secara Terus

PROGRAM HARI BERTEMU PELANGGAN MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

PROGRAM Hari Bertemu Pelanggan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) yang dipengerusikan oleh Tuan Shahman bin Jalaludin, Yang Dipertua MPS telah diadakan pada 7 Mac 2025 bertempat di Lobi Menara MPS.

Program ini diadakan untuk memberi peluang kepada penduduk bagi menyuarakan sebarang aduan, cadangan atau pandangan, mendapatkan penjelasan berkenaan isu-isu berbangkit, serta menyelesaikan urusan berkaitan MPS secara terus dengan pihak pengurusan tertinggi.

Turut sama dalam program ini ialah barisan pengarah dan wakil jabatan MPS.

Bagi orang awam yang tidak berkesempatan menghadiri Program Hari Bertemu Pelanggan hari ini boleh melayari https://mps.spab.gov.my/eApps/system/index.do untuk sebarang aduan, cadangan dan maklum balas atau boleh ke media sosial MPS untuk maklumat lanjut.





Program CSR MPS

MAMEE DOUBLE DECKER DAN MPS ERAT HUBUNGAN DI BAZAR RAMADAN GREENWOOD

DALAM usaha untuk mencapai objektif utama program ini bagi menyokong peniaga kecil dan mengeratkan hubungan dengan komuniti, satu program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) telah diadakan hasil kerjasama antara Mamee Double Decker (M) Sdn. Bhd. dan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) pada 7 Mac 2025 di Bazar Ramadan Greenwood. Pada program ini sebanyak 250 goodies bag diberikan kepada peniaga serta pengunjung bazar sebagai tanda penghargaan kepada komuniti setempat.

Program ini turut dihadiri oleh Tuan Haji Mazlan bin Musa; Ahli Majlis Zon 3, Puan Zulaina binti Abu Talib; Pengarah Pelesenan MPS, Encik Zariman bin Ibrahim; Timbalan Pengarah Pelesenan MPS, serta wakil daripada pihak Mamee Double Decker.

Para peniaga dan pengunjung bazar telah memberikan sambutan yang amat menggalakkan dan diharapkan dengan adanya program seperti ini bukan sahaja mencapai objektif utamanya tetapi juga menjadi platform bagi mempromosikan semangat kekitaan dan keusahawanan dalam kalangan peniaga serta masyarakat setempat.







Rider's Pit Stop MPS Meriah Dengan Agihan Bubur Lambuk

MPS RAIKAN PERANAN PENGHANTAR MAKANAN

AGIHAN bubur lambuk sempena Program Memasak Bubur Lambuk turut diadakan bertempat di Rider's Pit Stop MPS. Pada program ini, Tuan Haji Az'har bin Samsuri; Penolong Setiausaha MPS dan Encik Zikry bin Zulkifle; Presiden Kelab Sukan dan Rekreasi MPS telah menyampaikan agihan bubur lambuk kepada penghantar makanan di sekitar lokasi tersebut.

MPS mengambil peluang menyantuni pekerja penghantar makanan kerana mereka memainkan peranan penting dalam memenuhi keperluan masyarakat, terutamanya dalam menyediakan perkhidmatan penghantaran makanan sepanjang bulan Ramadan.

MPS berharap inisiatif ini sedikit sebanyak dapat menyebarkan lagi kegembiraan dan kebaikan sepanjang bulan yang mulia ini.



Ramadan Lebih Bermakna

MPS AGIH BUBUR LAMBUK KEPADA ORANG AWAM

MPS telah mengadakan agihan bubur lambuk kepada orang awam telah diadakan bertempat di Lobi Menara MPS. Sesi ini bertujuan mengimarahkan lagi keindahan bulan Ramadan dengan amalan bersedekah.

Tuan Shahman bin Jalaludin, Yang Dipertua MPS, berbesar hati menyempurnakan agihan kepada orang awam, sekaligus mengambil kesempatan menyantuni pelanggan yang sedang mendapatkan perkhidmatan di kaunter bayaran MPS. Turut sama pada sesi agihan ni Tuan Haji Az'har bin Samsuri; Penolong Setiausaha MPS dan En.Zikry bin Zulkifle; Presiden Kelab Sukan Dan Rekreasi MPS.

Program ini bukan sahaja bertujuan untuk mengagihkan juadah bubur lambuk, tetapi juga sebagai platform mengeratkan hubungan antara pihak MPS dan warga perbandaran Selayang dalam suasana yang harmoni dan penuh muhibah.



Perhimpunan Bulanan MPS

SYAWAL DIHAYATI, INOVASI DIRAIKAN

MAJLIS Perhimpunan Bulanan MPS yang dihoskan oleh Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan (JKUB) telah diadakan pada 25 Mac 2025 bertempat di Lobi Menara MPS.

Pada majlis ini telah diadakan penyampaian hadiah dan sijil penghargaan kepada Encik Mateen Zayani serta Ahli Kumpulan OSCMPSQ dari Jabatan Pusat Setempat di atas penyertaan Public Service Inovation Asia (PSIA) Award, sempena Malaysia Technology Expo (MTE).

Selain itu, turut diadakan penyampaian sumbangan daripada Jabatan Khidmat Pengurusan (JKP) kepada kakitangan gred H1 sempena kedatangan Syawal. Kelab Sukan dan Kebajikan (KSDK) dan ANULAE Cawangan MPS juga menyampaikan sumbangan kepada kakitangan serta penyampaian hadiah bagi pemenang kuiz Kahoot.

Hadir sama dalam majlis ini ialah Tuan Haji Az'har bin Samsuri, Penolong Setiausaha MPS, Ahli Majlis, para Pengarah Jabatan, dan kakitangan MPS.







Jelajah Bazar Ramadan Semarakkan Ihya

DATO' MB SELANGOR SANTUNI PENIAGA & PENGUNJUNG BAZAR

SEMPENA Program Ihya' Ramadan Tahun 2025 - Jelajah Bazar Ramadan yang berlangsung pada 21 Mac 2025, YAB Dato' Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor berkesempatan menyantuni peniaga dan pengunjung di Bazar Ramadan Bandar Baru Selayang.

YAB Dato' Menteri Besar diiringi Tuan Shahman bin Jalaludin, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang (MPS), YB Puan Anfaal bin Saari, EXCO Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor merangkap ADN Taman Templer dan Tuan Haji Ahmad Zahiri bin Zahid Sofian, Ahli Majlis MPS Zon 10.

Program ini telah mendapat kerjasama dengan Platform Selangor (PLATS). Selaras dengan agenda pendigitalan usahawan negeri ianya merupakan inisiatif menyokong peniaga tempatan dan menggalakkan transaksi digital di bazar. Pengunjung yang datang juga dapat menebus baucar bernilai RM10 melalui kod imbasan QR yang disediakan oleh pihak PLATS.

Turut sama memeriahkan jelajah bazar Ramadan ini, YB William Leong Jee Keen, Ahli Parlimen Selayang, Tuan Mohd Montazeri bin Nordin, Ahli Majlis MPS Zon 11, Puan Zulaina Abu Talib, Pengarah Jabatan Pelesenan serta pegawai jabatan dalaman MPS.







Penghayatan Ramadan dan Sambutan Syawal di MPS

CERAMAH AMBANG SYAWAL "SYAWAL, SEMPURNAKAH RAMADANKU?"

SEMPENA menyambut ketibaan Syawal, Majlis Perbandaran Selayang (MPS) melalui Kelab Sukan dan Kebajikan (KSDK) telah menganjurkan Program Ceramah Ambang Syawal 1446H yang disampaikan oleh penceramah jemputan Pencetus Ummah (PU) Ustaz Suhaimi Mohd Yunus pada 21 Mac 2025 bertempat di Lobi Menara MPS.

Ceramah bertajuk '' Syawal, Sempurnakah Ramadanku? '' telah dihadiri seramai 241 kakitangan MPS. Turut sama, Tuan Haji Az'har bin Samsuri, Penolong Setiausaha MPS dan Encik Zikry bin Zulkifle; Presiden Kelab Sukan dan Kebajikan MPS .

Semoga program ini memberi manfaat kepada semua yang hadir serta dapat menghayati keindahan bulan Ramadan dan Syawal.









PROGRAM AHLI MAJLIS

Program Ahli Majlis Zon 15

BAUCAR JOM RAYA RINGANKAN BEBAN GOLONGAN MEMERLUKAN

PENGAGIHAN baucar Jom Raya telah diadakan di Mydin Rawang dengan seramai 100 orang penerima yang dikenalpasti oleh AJK saya dari golongan yang memerlukan. Sekali lagi melihat semua penerima begitu gembira menerima baucar Rm100 adalah sangat memuaskan. Dengan sesungguhnya, saya berharap ini dapat meringankan beban mereka pada musim perayaan ini.






AHLI MAJLIS ZON 1 SANTUNI PENIAGA BAZAR RAMADAN JALAN SUNGAI PUSU

Ahli Majlis Zon 1, Tuan Megat Mohd Fadhli, telah meluangkan masa untuk beramah mesra dan menyampaikan sumbangan kurma kepada para peniaga di Tapak Bazar Ramadan Jalan Sungai Pusu.

Meskipun masih di awal Ramadan, suasana bazar sudah pun meriah dengan kehadiran pengunjung yang tidak putus-putus. Deretan gerai yang menawarkan pelbagai juadah menyelerakan, ditambah dengan keramahan para peniaga, menjadikan bazar ini tumpuan utama warga setempat. Dalam kesempatan itu, Tuan Megat Mohd Fadhli turut menyeru warga Gombak, khususnya komuniti Zon 1, untuk terus menyokong para peniaga di Bazar Ramadan Jalan Sungai Pusu. Sokongan daripada masyarakat bukan sahaja dapat membantu kelangsungan perniagaan kecil ini, tetapi juga memeriahkan lagi suasana Ramadan dengan amalan membeli juadah berbuka secara langsung daripada usahawan tempatan.




AHLI MAJLIS MPS HULUR BANTUAN AIDILFITRI DI KUANG DAN BANDAR BARU KUNDANG

TUAN Saharudin bin Abu Bakar Ahli Majlis MPS, berkongsi rezeki kepada penduduk ketika berkunjung ke Masjid Al- Hikmah, Batu 20, Kuang dan Surau Darul Muttaqin, Bandar Baru Kundang, Rawang pada 19 Mac 2025.

Sumbangan wang tunai telah diserahkan kepada penduduk yang memerlukan bagi membuat persiapan menyambut Hari Raya Aidilfitri.

Terima kasih kepada Tuan Saharudin. Semoga sumbangan kecil ini dapat memberikan sedikit keceriaan serta diberkati Allah S.W.T kepada semua pihak yang terlibat.



MAJLIS BERBUKA PUASA ERATKAN SILATURAHIM SEMPENA SAMBUTAN HARI WANITA

PUAN P. Mariammal a/p S. Ponnusamy telah menghadiri Majlis Berbuka Puasa pada 19 Mac 2025 yang bertempat di Restoran Mohd Adana Lee, Bandar Country Homes, Rawang.

Majlis Berbuka Puasa bersama 30 orang wanita Jawatankuasa Penduduk (JKP) Zon 17 ini diadakan bagi meraikan Sambutan Hari Wanita yang disambut setiap tahun. Selain itu, majlis ini turut bertujuan untuk mengeratkan lagi silaturahim antara Ahli Majlis dan JKP Zon.






OPERASI HALANGAN PENJAJA DI TAMAN SAMUDERA

PENIAGA yang ingkar meniaga tanpa lesen yang sah telah diambil tindakan dalam satu operasi halangan penjaja yang dijalankan oleh Majlis Perbandaran Selayang (MPS) di Jalan Samudera Barat 1, Taman Samudera pada 19 Mac 2025. Operasi ini dijalankan dari jam 9 pagi sehingga 12 tengah hari.

Menerusi operasi tersebut, beberapa peniaga dikenakan tindakan sitaan kerana didapati berniaga tidak mengikut peraturan yang ditetapkan oleh MPS. Antara barangan yang dirampas termasuk 10 unit kerusi plastik, satu unit gerai mudah alih, empat unit khemah biru, serta peralatan memasak.

Beberapa pemilik khemah lain turut dikenakan tindakan peralatan perniagaan disita, antaranya 92 unit kerusi hitam, 30 unit meja lipat, 6 tong gas merah, 2 unit peti sejuk, serta beberapa unit dapur dan gerai jualan. Selain itu, empat khemah bersaiz 20x20 turut dirampas.

Dalam operasi yang sama, MPS turut menjalankan kerja-kerja pembersihan di kawasan berhampiran yang menjalankan aktiviti cuci kereta tanpa lesen. Semua barang sitaan dibawa ke stor untuk tindakan lanjut.

MPS akan terus memantau isu ini dari semasa ke semasa.







PENIAGA TANPA LESEN DIGEMPUR DALAM OPERASI BERSEPADU MPS BERSAMA DBKL









MAJLIS Perbandaran Selayang (MPS) bersama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah mengadakan Operasi Bersepadu di Pasar Borong Selayang pada 8 Mac 2025 bagi membanteras aktiviti perniagaan tanpa lesen.

Operasi yang berlangsung dari jam 1:00 pagi hingga 3:00 pagi itu melibatkan 24 anggota dan diketuai oleh Mohd Noor Salehuddin bin Kamis; Timbalan Pengarah Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan MPS.

Menerusi operasi, sebanyak 10 sitaan telah dilakukan, termasuk 7 inventori di bawah Undang-Undang Kecil Penjaja (MPS) 2007 melibatkan warga asing yang menjalankan perniagaan tanpa lesen di kaki lima premis serta 3 inventori di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 atas kesalahan menghalang laluan awam. Selain itu, 1 kompaun turut dikeluarkan di bawah akta yang sama.

Antara barang yang disita dalam operasi ini ialah 153 bakul berisi sayur dan buah-buahan, 2 unit penimbang serta 56 papan telur ayam.

MPS ingin menegaskan bahawa pemantauan akan terus dibuat dan tindakan tegas akan diambil bagi memastikan aktiviti perniagaan haram tidak berleluasa.

Peniaga juga adalah diingatkan untuk sentiasa mematuhi peraturan yang ditetapkan demi menjaga ketenteraman serta kebersihan kawasan perniagaan.

ANULAE MPS AGIH 400 PEK MAKANAN BERBUKA PUASA KEPADA WARGA MPS

ANULAE cawangan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) telah mengagihkan sebanyak 400 pek makanan berbuka puasa kepada kakitangan MPS pada 6 Mac 2025 bertempat di Lobi Menara MPS. Serahan pek makanan ini telah disempurnakan oleh Tuan Shahman bin Jalaludin, Yang Dipertua MPS.

Turut sama dalam majlis ni Tuan Haji Az'har bin Samsuri; Penolong Setiausaha MPS, Puan Ruzani Sohot, Pengerusi ANULAE Cawangan MPS, Tuan Anwar bin Wan Ibrahim; Ahli Majlis Zon 5, Tuan Haji Muhammad Najmi bin Samsudin; Ahli Majlis Zon 9 dan Tuan Saharudin bin Abu Bakar Ahli Majlis Zon 19

Semoga perkongsian rezeki ini mendapat keberkatan daripada Allah SWT serta menyemarakkan lagi ukhwah antara warga MPS di bulan Ramadan.







Inisiatif ANULAE dan KSDK MPS Galak Amalan Nilai Murni

PROGRAM TADARUS AL-QURAN PERKUKUH PENGHAYATAN RAMADAN

ANULAE Cawangan Majlis Perbandaran Selayang dengan kerjasama Kelab Sukan & Kebajikan Majlis Perbandaran Selayang telah menganjurkan Program Tadarus Al-Quran pada 14 Mac 2025 bertempat di Surau MPS, Tingkat 8, Menara MPS. Program ini telah disertai seramai 70 orang peserta yang terdiri daripada warga kerja wanita MPS.

Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada usaha memperkukuhkan nilai-nilai murni selaras dengan konsep Malaysia Madani, di samping menekankan aspek kebajikan dan produktiviti dalam komuniti serta penghayatan terhadap Al-Quran.

Diharapkan program ini dapat memberi manfaat kepada warga MPS serta diteruskan pada masa akan datang.









Ramadan Dirai Bersama

ANULAE SEMARAKKAN SEMANGAT UKHUWAH

SEBANYAK 400 pek makanan berbuka puasa telah diagihkan kepada kakitangan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) oleh ANULAE Cawangan MPS pada 21 Mac 2025 bertempat di Lobi Menara MPS.

Serahan pek makanan telah disempurnakan oleh Tuan Shahman bin Jalaludin, Yang Dipertua MPS. Turut sama dalam majlis ni Tuan Haji Az'har bin Samsuri, Penolong Setiausaha MPS, Tuan Ahmad Zahiri bin Zahid Sofian, Ahli Majlis MPS dan Puan Ruzaini binti Sohot, Pengerusi ANULAE Cawangan MPS.

Semoga perkongsian rezeki ini dapat memberi manfaat serta mendapat keberkatan daripada Allah SWT.









MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

Menara MPS, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.

T 603-6126 5800 F 603-6138 8933

W www.mps.gov.my E aduanmps@mps.gov.my TF 1800-222-677

mpselayang

e-ISSN 3030-5896